INTEGA
International Gaharu

Profil Syarikat

V2

KUMPULAN SYARIKAT:

Intega Industries Sdn. Bhd. (202201035275) (1480972-M)

Intega Marketing Sdn. Bhd. (202501006039) (1607453-K)

PEJABAT KORPORAT:

A-G-47 & A-01-47, Savanna Lifestyle Retail, Jalan BBLS 2,
Southville City, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia.

HUBUNGI KAMI:

www.intega.my | hq@intega.co (Emel)

+603 8920 9000 (Pejabat) | +6017 2929 027 (Bhg. Jualan 1) | +6017 5329 027 (Bhg. Jualan 2)

KUMPULAN SYARIKAT

INTEGA INDUSTRIES SDN. BHD. (PENGELUAR BAHAN MENTAH GAHARU)

- Ditubuhkan pada September 2022 dengan modal **RM520,000.00** yang bertempat di Southville City, Dengkil, Selangor. **"iNTEGA"** adalah singkatan yang membawa maksud ***"International Gaharu"*** dan ***"Innovation Technology Gaharu"***.
- Terdapat lebih daripada 30,000 pokok Karas (gaharu) yang diselia dan diuruskan oleh pasukan pengurusan ladang dan pemprosesan gaharu.
- Ladang ini dilengkapi dengan 26 dapur rebusan kayu gaharu, makmal uji kaji dan stor penyimpanan.
- Jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi membangunkan industri gaharu yang baharu ini adalah sekitar **RM7,000,000**.

PERINGKAT HULUAN *(UPSTREAM)*

- Fokus kepada pengurusan ladang pokok Karas dan pengeluaran bahan mentah:
  1. Penghasilan inokulan
  2. Kayu gaharu
  3. Air sulingan gaharu
  4. Minyak gaharu
  5. Hampas gaharu

KUMPULAN SYARIKAT

INTEGA MARKETING SDN. BHD. (PENGELUAR PRODUK SIAP GAHARU)

- Ditubuhkan pada Februari 2025 khusus bagi mengendalikan penjualan dan pemasaran produk siap. Setiap produk siap yang dihasilkan akan melalui fasa "R&D" dan mempunyai kelulusan serta pengesahan daripada barisan penyelidik yang bertauliah.
- Peneraju syarikat ini terdiri daripada gabungan:
  1. Pakar kimia
  2. Saintis dan penyelidik
  3. Pakar bidang gaharu
  4. Formulator yang diiktiraf dunia
  5. Pasukan pengurusan, pemasaran dan penjualan

PERINGKAT HILIRAN *(DOWNSTREAM)*

- Fokus kepada pengeluaran, penjualan dan pemasaran produk siap berasaskan gaharu:
  1. Air minuman gaharu
  2. Masker sabun mandian gaharu
  3. Wangian gaharu

VISI SYARIKAT

Menjadi peneraju utama dalam industri produk berasaskan gaharu yang dapat memberi kesejahteraan kepada setiap lapisan masyarakat di dunia.

NILAI UTAMA

Berkongsi kegembiraan
(***Sharing joy***)

Kebahagiaan dapat dinikmati dan dikongsi bersama apabila kualiti kesihatan setiap lapisan masyarakat dijaga dengan baik.

Minda yang positif
(***Positive mindset***)

Pemikiran yang positif dapat memberi impak yang besar kepada kehidupan setiap insan dalam mencapai kejayaan.

Kehidupan Lebih Baik
(***Better Life***)

Produk yang berkualiti tinggi dapat memberi manfaat dan kebaikan dari sudut kesihatan mental dan fizikal yang membawa kepada kehidupan yang lebih baik.

Membina Kekayaan
(***Building Wealth***)

Industri gaharu yang baharu dapat memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat dalam membina pendapatan, kekayaan dan peluang pekerjaan yang stabil.

Pengiktirafan
(***Recognition***)

Setiap pengorbanan, usaha dan kerja keras dalam membina industri ini perlu dihargai dan mendapat pengiktirafan yang selayaknya.

PENERAJU UTAMA

AKY SYAUQI
Pengasas Bersama / Peneraju Inovasi Gaharu

• Berpengalaman sejak tahun 2016 dalam meneraju industri produk siap air minuman gaharu.

• Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Malga Industries Sdn. Bhd. (MALGA).

• Mantan Ketua Pegawai Pemasaran Gaharu Gopeng Sdn. Bhd. (GOGA), Gaharu Tea Valley.

MOHD RAZIF MAMAT
Saintis / Penyelidik Malaysia Genome & Vaccine Institute

• Penyelidik Air Minuman Gaharu (H2Oud) & formulator produk Propolis Kelulut + Pati Minyak Zaitun (P+EVOiL).

• Pakar Industri Negara (Kelulut) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia.

• Ahli Jawatankuasa Kerja Madu Kelulut, SIRIM (MS 2683:2017).

PROF DR. AZIZAN AHMAD
Ketua Pegawai Penyelidik / Pakar Kimia Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia

• Penyelidik & formulator ekstrak air tanah putih (Kaolin), Air Minuman Gaharu (H2Oud) & Propolis Kelulut + Pati Minyak Zaitun (P+EVOiL).

• Penerima Anugerah Kerjaya, Akademik, Penyelidik & Inovasi UKM.

• Pakar perawatan air tercemar berasaskan teknologi hijau.

ABDULLAH AL ROMAN
Formulator Penjagaan Diri & Kosmetik / Pakar Wangian Antarabangsa

• Juara pertandingan wangian bertaraf antarabangsa:
  1. ***"Paris New Luxury Award 2020"***.
  2. ***"Mouillette d'Argent Barcelona 2025"***.

• Formulator sabun mandian KaolinOUD & Oud Delight.

• Formulator wangian EDT Blueberry Juice & EDT Sparkle Fantasy.

PASUKAN INDUSTRI

AKY SYAUQI
Ketua Pegawai Eksekutif /
Pengasas bersama

KAJIAN & PEMBANGUNAN (R&D)

PROF. DR. AZIZAN AHMAD
Ketua Pegawai Penyelidik /
Pensyarah di Jabatan Kimia,
Fakulti Sains & Teknologi, UKM

MOHD RAZIF MAMAT
Pegawai Penyelidik /
Saintis di Malaysia Genome
& Vaccine Institute

PASUKAN KOLABORASI

ABDULLAH AL ROMAN
Pakar Wangian / Formulator
Antarabangsa

DR. NORFARHAN
Pensyarah Kanan
Biosains & Bioteknologi
UKM

DR. NOREFRINA
Pensyarah Kanan
Biosains & Bioteknologi
UKM

JUALAN & PEMASARAN

HAMZAH
Pengawai Pemasaran
Digital

ZAHIDAH
Eksekutif Pemasaran
Digital

ANIS
Eksekutif Jualan

MEDIA KREATIF

LUQMAN
Pegawai Media Kreatif

OPERASI

MOHD SANI
Pegawai Operasi

PENGURUSAN & KEWANGAN

KHOO
Akauntan

CELINE
Pengurus HR &
Pentadbiran

KENALI GAHARU

INTEGA International Gaharu



GAHARU adalah resin beraroma atau damar yang dihasilkan oleh **POKOK KARAS** akibat daripada serangan kulat dan bakteria pada bahagian akar, batang atau dahan.

Terdapat 23 spesis pokok Karas di hutan khatulistiwa. Antara spesis yang popular adalah:

Malaccensis, Subintegra, Sinensis dan Crassna.

Gaharu yang terbentuk berfungsi sebagai pelindung kepada pokok Karas.

Juga dikenali sebagai ***Agarwood, Eaglewood, Aloeswood, Chen Xiang, Jinko, Agaru dan Oud.***

Pokok Karas

Kayu Gaharu

Air Sulingan Gaharu

Minyak Gaharu

H2Oud

kaolinOUD

Wangian Gaharu

SUMBER KITAB RUJUKAN

1. KITAB MUSNAD AHMAD IBN HANBAL

Kegunaan gaharu sebagai wangian

Hadis Nabi

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ حُبِّبَ إِلَيَّ النِّسَاءُ وَالطِّيبُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

Maksudnya :"Sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W bersabda perkara yang aku suka ialah wanita, **minyak wangi** dan dijadikan penyejuk mataku ketika solat."

[Riwayat Imam Ahmad (12293), Rujukan www.muftiwp.gov.my]

2. MSS 2999 KITAB TIB

Gaharu sebagai penawar

Kegunaan rawatan menggunakan gaharu:

1. ***Analgesic*** (Ubat bius / "*Painkiller*")
2. ***Antiemetic*** (Tahan muntah)
3. ***Antispasmodic*** (Ubat sakit perut)
4. ***Stimulant*** (Agen perangsang)
5. ***Ulser mulut***
6. ***Deobstruent*** (Pembersihan saluran tersumbat)
7. ***Anodyne*** (Penawar / "*Pain relief*")
8. ***Acute Sinusitis*** (Resdung / Alahan)
9. ***Amenorrhoea*** (Masalah tidak datang haid)
10. ***Cholagogue*** (Perangsang pengeluaran hempedu)

3. MATERIA MEDICA

Gaharu sebagai penawar

Diterbitkan dalam Dinasti Ming menyatakan keberkesanan gaharu:

1. Menghilangkan bau busuk
2. Menyegarkan minda
3. Merawat organ dalaman
4. Melegakan asma dan kahak
5. Merawat hati dan perut
6. Meningkatkan maskulin
7. Menstabilkan pengaliran tenaga dalaman

Saluran Masuk:
1. **Buah Pinggang**
2. **Limpa**
3. **Perut**

INTEGA
International Gaharu

INOVASI PERUBATAN GAHARU

INTEGA
International Gaharu

Kitab Perubatan Lama

1

Kajian keselamatan ke atas Sel Buah Pinggang

2

Kajian mengenal pasti fungsi Mikrobial di dalam H2Oud

3

Respon pengguna yang positif

4

Kajian Lanjutan (In Vivo & Pre Clinical Study)

5

H2Oud | AIR MINUMAN GAHARU

INTEGA International Gaharu

1 kotak
(6 botol x 500ml)

Pelbagai rujukan kitab perubatan telah membuktikan bahawa kebaikan utama air sulingan gaharu adalah untuk **membaiki dan meningkatkan fungsi organ tubuh badan.**

H2Oud adalah produk inovasi berasaskan **air sulingan gaharu** dengan gabungan beberapa ramuan istimewa yang telah melepasi ujian keselamatan serta melalui pelbagai kajian saintifik (R&D).

Di dalam **H2Oud** terdapat bakteria baik dan kulat kefungsian yang terbukti selamat untuk diminum serta mempunyai **nilai kesihatan yang amat tinggi kepada tubuh badan.**

KEBAIKAN AIR GAHARU MENURUT
KITAB PERUBATAN, JURNAL & KAJIAN SAINS

- *Membaiki & meningkatkan fungsi organ*
- *Meningkatkan imuniti tubuh badan*
- *Mengawal & menurunkan paras gula dalam darah*
- *Melancarkan peredaran darah*
- *Bertindak sebagai anti kanser, anti virus & anti radang*
- *Menurunkan & menstabilkan tekanan darah*
- *Meningkatkan & menstabilkan hormon lelaki / wanita*
- *Baik untuk sistem penghadaman & membersihkan perut serta usus*

kaolinOUD | MASKER SABUN MANDIAN

INTEGA
International Gaharu

1 botol 150ml

1 botol 300ml

Masker sabun mandian ini diformulasikan khusus bagi penjagaan kulit dan membantu **mengurangkan masalah kulit sensitif seperti gatal-gatal, ekzema dan jerawat badan.** Tanah putih kaolin terbukti berkesan dalam menjaga kesihatan kulit sejak turun temurun.

KaolinOUD adalah produk inovasi berasaskan ramuan istimewa iaitu ekstrak Air Tanah Putih (50%), Minyak Gaharu Gred A, Air Sulingan Gaharu dan wangian semulajadi yang telah melepasi ujian keselamatan serta kajian saintifik (R&D).

KaolinOUD berfungsi untuk membersihkan kotoran secara menyeluruh dan memberi tekstur kulit yang cantik serta membekal nutrisi kepada kulit kerana terdapat kandungan mineral yang tinggi.

KEBAIKAN & FUNGSI

- *Melicinkan kulit*
- *Pembersihan mendalam (menghilangkan kotoran, minyak & menyegarkan kulit)*
- *Melembutkan kulit*
- *Mengurangkan masalah kulit (gatal-gatal / ekzema / jerawat badan)*
- *Mencerahkan kulit*
- *Membunuh 99.99% kuman & bakteria tanpa merosakkan kulit*

Oud Delight | SABUN MANDIAN PREMIUM

iNTEGA
International Gaharu

1 botol 300ml

OUD DELIGHT ialah masker sabun mandian premium yang menggabungkan gaharu gred A Malaysia, wangian oud premium dan ekstrak air tanah putih.

Sebanyak 77 kali ujian "R&D" telah dijalankan dan lebih daripada 100 kombinasi bahan semula jadi yang digunakan bagi penghasilan formula **OUD DELIGHT**. Produk ini bukan sekadar sabun tetapi ia adalah hasil seni daripada kepakaran dalam pembuatan sabun penjagaan diri yang eksklusif.

Diformulasikan dengan teliti untuk pengguna merasai pengalaman bau yang memukau, tekstur yang halus dan sentuhan elegan pada kulit serta pembersihan yang mendalam. **OUD DELIGHT** adalah nutrisi gaharu semula jadi untuk penjagaan kulit yang sempurna.

Roman Abdullah

Pemenang Anugerah
Wangian Antarabangsa 2020 & 2025

KEBAIKAN & FUNGSI

- *Wangian gaharu premium oleh pakar wangian antarabangsa.*
- *Pembersihan mendalam (Menghilangkan kotoran, minyak & menyegarkan kulit).*
- *Membantu mengurangkan masalah kulit seperti kegatalan dan jerawat badan.*
- *Melembut, melicin dan mencerahkan kulit secara semula jadi.*
- *Kandungan mineral yang tinggi untuk kesihatan dan keremajaan kulit.*
- *Aromaterapi semula jadi yang menenangkan dan menyegarkan.*

LAMPIRAN

INTEGA
NUTRISI
Tanah Putih + Gaharu
Alami kelainannya dengan Gaharu
Alami kelainannya dengan Air Gaharu

INTEGA
International Gaharu

INTEGA

PURELY ESSENTIAL
H2Oud

INTEGA

LAMPIRAN